



Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (91)  
Tarikh : 21 April 2015

## SIARAN MEDIA

### MY BEAUTIFUL MALAYSIA (MyBM) KE ARAH KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT

Putrajaya, 21 April 2015 - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memulakan My Beautiful Malaysia (MyBM) pada 21 Mei 2014 bagi menangani isu-isu berkaitan fasiliti awam terutamanya tandas awam, perumahan kerajaan serta rumah pangsa kos rendah yang berada dalam keadaan daif, usang dan kotor kerana tidak diselenggara dengan baik.

2. MyBM merangkumi 3 komponen utama iaitu:

i. **Baik Pulih dan Naik Taraf Tandas Awam di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dilaksanakan dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan PBT. Kesemua 418 projek naik taraf dan pembaikan tandas di 65 PBT dapat disiapkan dalam tempoh 3 bulan dengan kos RM25.6 juta.

- KPKT akan mengambil alih pembersihan tandas awam daripada PBT di seluruh Negara mulai tahun 2016. Kerajaan sedar bahawa tandas-tandas yang telah dibaik pulih dan dinaik taraf perlu diselenggara secara berkala oleh PBT bagi mengelak ianya kembali kotor, terbiar dan tidak terpelihara. Prihatin dengan PBT yang tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk membuat penyelenggaraan berkala.

Ringkasan pecahan tandas mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL. PBT	BIL. TANDAS
Kedah	2	12
Perak	10	63

N. Sembilan	3	46
Melaka	4	63
Johor	7	53
Pahang	6	34
Kelantan	8	20
Terengganu	7	59
Sabah	5	21
Sarawak	12	43
P.Pinang	1	4
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>	<b>418</b>

ii. **Penyenggaraan Rumah Kos Rendah** di 59 kawasan pemajuan rumah pangsa kos rendah telah dibaik pulih dan disenggara bagi memperbaiki kerosakan yang melibatkan 75,135 penghuni rumah pangsa kos rendah di seluruh negara dengan kos sebanyak RM25.8 juta.

- Kaedah pembiayaan yang digunapakai untuk membaik pulih rumah kos rendah adalah berdasarkan perkongsian kos mengikut nisbah geran sepadan yang telah ditetapkan dengan kerajaan negeri, PBT dan pihak pengurusan rumah kos rendah. Kadar geran sepadan adalah seperti berikut: Rumah Kos Rendah (90% ditanggung KPKT 10% ditanggung kerajaan Negeri/PBT/Pihak Pengurusan) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (70% ditanggung KPKT, 30% ditanggung kerajaan Negeri/PBT/Pihak Pengurusan)

iii. **KPKT menyelaras permohonan dan peruntukan penyenggaraan Kuarters Kerajaan bagi membaiki kuarters di bawah semua agensi kerajaan.**

- Kriteria pemilihan kuarters merangkumi kuarters yang berada di lokasi yang strategic, permintaan untuk menduduki kuarters yang tinggi, keadaan fizikal dan infrastruktur kuarters yang uzur, kotor dan tidak selamat.
- Sebanyak 110 lokasi kuarters di bawah 14 agensi kerajaan di seluruh Negara akan dibaik pulih pada tahun ini melibatkan peruntukan sebanyak RM105 juta.
- Senarai kuarters kerajaan yang akan dibaik pulih dan disenggara pada tahun 2015 mengikut kementerian/agensi kerajaan adalah seperti berikut:

Bil	Kementerian/Agensi	Bil. Lokasi Kuarters
1.	Kementerian Pendidikan	6
2.	Jabatan Bomba dan Penyelamat	2
3.	Kementerian Kesihatan	2
4.	Kementerian Pertahanan	7
5.	Kementerian Wilayah Persekutuan	1
6.	Kementerian Belia dan Sukan	21
7.	Jabatan Imigresen	15
8.	Polis DiRaja Malaysia	5
9.	Jabatan Penjara	17
10.	Jabatan Pendaftaran	18
11.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	10
12.	Jabatan Pertahanan Awam	3

13.	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)	1
14.	Institut Tadbiran Awam Negara	2
<b>JUMLAH</b>		<b>110</b>

3. MyBM ini diharapkan dapat memberikan kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat.

-----

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)